

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**STW232 – Psikologi Untuk Pekerja Sosial**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Setiap soalan diberikan nilai markah yang sama, iaitu 100 markah.

1. Bincangkan teori Jean Piaget berkenaan dengan 4 tahap perkembangan kognitif (4 stages of cognitive development). Kaitkan dengan pemerhatian anda terhadap kanak-kanak.
  
2. Siapakah tokoh-tokoh dibawah? Bincangkan secara terperinci teori yang mereka pelopori.
  - Sig Mund Freud
  - B.F. Skinner
  - Abrham Maslow
  
3. a) Apakah yang anda faham dengan “stress/tekanan perasaan”?  
b) Ahmad kematian ibu dan bapanya di dalam satu kemalangan jalanraya. Dua bulan kemudian, adiknya meninggal dunia akibat sakit jantung. Semasa Ahmad berjumpa dengan anda, beliau menangis dan tidak dapat bercakap kerana kesedihan. Huraikan apa yang anda boleh lakukan untuk membantu Ahmad.

4. a) Terangkan makna-makna istilah di bawah:
- i) Meditasi (Meditation)
  - ii) Hypnosis
  - iii) Neurolingustic Programming (NLP)
- b) Apakah kebaikan dan keburukan setiap satu?
5. Sewaktu dalam kandungan hingga lahir seorang bayi dilahirkan – kesejahteraan bayi dalam kandungan tidak terpisah dari kesejahteraan psikologis, sosial dan fisikal ibu yang mengandung. Apakah kenyataan (statement) di atas benar? Huraikan.